



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**AMALAN PENGEBUMIAN MASYARAKAT MELAYU ISLAM DI
SARAWAK: PERBANDINGAN BUDAYA DAN HUKUM SYARAK**

*FUNERAL PRACTICES OF THE MALAY ISLAMIC COMMUNITY IN SARAWAK: A
COMPARISON OF CULTURE AND SYARAK LAW*

Fareiny Morni^{1*}, Rashinah Hossen², Ratnawate Panie³, Fatimah Bujang⁴

¹ Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Email: fareiny@uitm.edu.my

² Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Email: rashinah@uitm.edu.my

³ Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Email: ratnawatepanie@uitm.edu.my

⁴ SIDMA College Sarawak, Kuching, Sarawak, Malaysia

Email: fatimahb04@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 12.12.2023

Revised date: 10.01.2024

Accepted date: 18.03.2024

Published date: 20.03.2024

To cite this document:

Morni, F., Hossen, R., Panie, R., & Bujang, F. (2024). Amalan Pengebumian Masyarakat Melayu Islam di Sarawak: Perbandingan Budaya dan Hukum Syarak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (53), 456-466.

DOI: 10.35631/IJEPC.953035.

Abstrak:

Masyarakat Sarawak terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum. Amalan perkahwinan campur menyebabkan percambahan adat, menggalakkan kepelbagaian budaya dan tradisi sehingga berlakunya gabungan adat dengan hukum syarak yang telah ditetapkan oleh agama. Walaupun terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh institusi agama, masih berlaku percampuran amalan budaya dan tradisi dengan hukum syarak di kalangan masyarakat Islam di negara Malaysia. Adalah penting untuk membezakan amalan yang terhasil daripada adat, budaya dan tradisi dengan apa yang berlandaskan hukum syarak agar masyarakat dapat mempraktikkan apa yang diredai oleh Allah SWT. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik salah satu amalan yang dituntut oleh agama, iaitu proses pengebumian jenazah orang Islam di Sarawak. Kajian ini dilakukan dengan membezakan amalan yang dikehendaki agama dan amalan yang diadaptasi daripada adat, budaya dan tradisi masyarakat setempat. Kaedah kajian menggunakan pendekatan etnografi yang melibatkan kajian literatur, kajian lapangan seperti pemerhatian di kawasan perkuburan di sekitar Kuching dan Samarahan, serta temu bual dengan golongan yang terlibat di dalam proses pengebumian dan masyarakat umum. Didapati proses pengebumian masyarakat Melayu Islam Sarawak mencampur adukkan amalan budaya dengan hukum syarak. Beberapa kaedah penambahbaikan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dicadangkan agar amalan pengebumian diperbaiki berlandaskan hukum yang ditetapkan oleh agama Islam.

Kata Kunci:

Amalan Pengebumian, Budaya Sarawak, Melayu, Pengurusan Jenazah

Abstract:

Communities in Sarawak consist of various ethnicities and races. Inter-marriage among the different communities have resulted in the proliferation of customs, encouraging a diversity of cultures and traditions that may result in the combination of customs with Islamic law. Although there are various efforts made by the local religious institutions, there exist a mixture of cultural practices and traditions with Islamic law among the Muslim community in Malaysia. This mixture may introduce new practices that may not be in accordance to what is stated in Islamic law. Hence, it is important to distinguish practices that were derived from custom, culture and tradition against what is based on Islamic law. The objective of this study is to distinguish the Islamic practices involved in the burial process of Muslims in Sarawak. This study was conducted by segregating the practices required by religion and the practices adapted from customs, culture and traditions of the local community. This study uses an ethnographic approach that includes literature review, field research such as observations in cemeteries around Kuching and Samarahan, as well as interviews with religious groups and volunteers that participate in the burial process, and the general public. It was found that the burial process of the Malay Muslim community of Sarawak mixes cultural practices with Islamic law. Some improvement are suggested so that Muslim funeral practices can be aligned in accordance to the laws set by Islam.

Keyword:

Funeral Practices, Sarawak, Malay Culture, Funeral Management

Pengenalan

Setiap yang hidup akan merasai mati. Apabila seseorang itu meninggal dunia, adalah menjadi kewajipan waris untuk menguruskan pengebumian tersebut dengan sempurna. Pengurusan jenazah merupakan fardu kifayah di dalam agama Islam. Oleh itu, seorang Muslim haruslah mengetahui cara yang betul untuk mengurus jenazah mengikut kehendak agama Islam.

Proses pengebumian pada masa kini adalah amat mudah. Terdapat kumpulan-kumpulan dan institusi yang menyediakan perkhidmatan seperti memandikan, mengapakan sehinggalah mengebumikan jenazah. Waris hanya perlu melakukan carian di laman web, dan pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh kumpulan sukarelawan serta syarikat yang berdaftar akan tertera.

Kemudahan yang ada menyempurnakan keperluan fardu kifayah dan memastikan tanggungjawab kepada si mati dilaksanakan dengan betul, sejajar dengan kehendak agama Islam. Oleh itu, walaupun waris si mati tidak ada ilmu tentang menguruskan dan mengebumikan jenazah, jenazah tetap boleh diuruskan dan dikebumikan dengan sempurna. Disebabkan itu juga, tidak hairanlah sekiranya berlaku pertambahan (bidaah), di mana waris si mati mencampur adukkan amalan budaya di dalam pengurusan jenazah dan pengebumian.

Latar Belakang Kajian

Masyarakat di Sarawak terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum. Terdapat lima etnik utama iaitu Bumiputera, Cina, India, lain-lain dan bukan warganegara. Kesan pergaulan dan hubungan daripada kaum yang berbeza mencetuskan taksonomi perkahwinan atau lebih dikenali sebagai perkahwinan campur/hibrid. Bahkan di dalam Islam menggalakkan perkahwinan campur untuk menyebarkan dakwah Islam kepada kaum lain. Namun begitu, setiap etnik dan kaum mempunyai kepercayaan, budaya, adat, tradisi dan amalan yang berbeza. Apabila masyarakat Islam berkahwin dengan kaum lain, amalan yang sedia ada di dalam Islam sedikit sebanyak digabungkan atau dimasukkan dengan amalan dan budaya mengikut kepercayaan dan budaya pasangan. Gabungan amalan tersebut mengakibatkan kekeliruan di dalam masyarakat Islam untuk membezakan amalan yang diwajibkan di dalam agama Islam dan amalan-amalan tambahan.

Pernyataan Masalah

Apabila mati anak Adam, terputuslah amalan/ hubungan kecuali tiga perkara yang mana salah satu daripadanya ialah doa anak yang soleh. Amalan pengebumian yang betul akan mendapat pahala/ ganjaran daripada Allah. Manakala amalan pengebumian yang salah akan mendapat kemurkaan daripada Allah. Oleh itu, kita haruslah melaksanakan amalan yang disukai Allah untuk mendapat reda Allah. Di samping itu, adalah penting untuk kita membezakan apakah amalan yang betul seperti yang ditetapkan oleh hukum syarak dan apakah amalan yang diadakan oleh masyarakat.

Seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, pengurusan jenazah merupakan fardu kifayah di dalam agama Islam. Apabila rukun ini sudah dilaksanakan oleh sebahagian daripada orang Islam, maka orang Islam yang lain tidak berdosa. Namun, sekiranya tiada seorang pun orang Islam yang mengerjakan kewajipan ini, maka seluruh orang Islam di dalam kawasan tersebut akan berdosa. Disebabkan ini, penting untuk kita mengetahui dan seterusnya mendalami fardu kifayah ini supaya tidak berlaku kekeliruan.

Sehubungan itu, kertas kajian ini bertujuan untuk menghasilkan penulisan yang menumpukan kepada penyusunan nas syarak agar masyarakat dapat beramal berdasarkan hukum syarak dan bukannya beramal membuta tuli tanpa mengetahui sandaran dalil.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti amalan pengebumian yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Islam di Sarawak.
2. Untuk mengkategorikan amalan yang dikehendaki agama dan apa yang diadaptasi melalui adat, budaya dan tradisi masyarakat.

Kajian Literatur

Apabila seseorang Muslim meninggal dunia, agama Islam telah menentukan cara yang khas untuk pengurusan pemergiannya, di mana jenazah si mati akan disemai dengan penuh penghormatan. Orang Islam diperintahkan untuk memandikan jenazah si mati dengan cara sebagaimana orang yang hidup memperoleh kesucian (Kafrawi, Ilyas, Mulyadi, Abdul Syahid, & Liriwati, 2024). Selesai dimandikan, jenazah akan dikapan dengan pakaian yang terbaik, bersih dan kemas. Ini diikuti dengan solat jenazah dan doa memohon keampunan dan rahmat Allah untuk si mati. Selepas itu, jenazah dikebumikan di tanah perkuburan.

Menurut fardu kifayah apabila seseorang Islam meninggal dunia wajiblah ia dimandikan, dikapankan, disembahyangkan dan dikebumikan. Keempat-empat perkara ini wajib dilaksanakan dengan sempurna dan segera kecuali orang yang mati syahid, di mana hanya wajib dikapan dan dikebumikan dan haram dimandi dan disembahyangkan (Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2018; Marronis, et. al., 2023; Wahyuni et. al., 2023).

Institusi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan banyak lagi ada mengeluarkan buku panduan pengurusan jenazah untuk memudahkan orang Islam menyelenggarakan jenazah. Walaupun begitu, terdapat amalan tambahan di dalam pengurusan jenazah dan pengebumian iaitu penggunaan santan dalam mandi jenazah, bacaan tahlil, menunggu kubur, menziarahi kubur pada waktu atau hari tertentu, berdoa dan berwirid selepas menunaikan solat jenazah, memayungi jenazah sepanjang perjalanan ke perkuburan, meletakkan batu nisan dan membina belindan (juga dikenali sebagai kepungan atau napor) di atas kubur serta mengadakan kenduri arwah dan menjemput orang ramai ke kenduri arwah (Muhammad Faleh Lai & Ahmad Shah, 2020; Yusof & Ramli, 2020).

Kebanyakan kajian berkenaan amalan pengurusan jenazah dan pengebumian orang Islam dilakukan di negeri-negeri lain di Malaysia seperti di Kelantan (Abd. Rahman, Rofie & Osman, 2003); Muhammad Faleh Lai & Ahmad Shah, 2020) dan Indonesia (Abdul Gafur, Nurhasan, Endang Switri & Nurbuana, 2020; Ahmadi, 2019) tetapi belum ada kajian yang diadakan berkenaan amalan pengebumian di Sarawak. Oleh itu, kajian ini perlu untuk kita mengkaji amalan pengebumian di Sarawak dan mengenal pasti sama ada berlakunya pertambahan di dalam proses pengebumian orang Islam di Sarawak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi yang melibatkan kajian lapangan yang terdiri daripada pemerhatian di kawasan perkuburan di sekitar Kuching dan Samarahan. Penentuan subjek adalah menggunakan pensampelan kemudahan (*convenience sampling*) di mana senarai tanah perkuburan yang dilawat adalah berdasarkan cadangan yang diberikan oleh pegawai agama Islam yang di temuduga.

Kaedah pengumpulan data menggunakan kajian literatur/ penyelidikan perpustakaan yang disokong oleh penyelidikan lapangan melalui temu bual bersama pakar yang bertauliah (*subject matter expert*), mengedarkan borang soal selidik untuk mendapatkan amalan pengebumian semasa masyarakat Islam Sarawak. Maklumat yang telah dikumpul, dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif dan dibentangkan di dalam jadual di dalam bahagian Perbincangan dan Rumusan.

Kaedah Kajian

Kajian telah dijalankan menurut lima langkah. Langkah yang pertama ialah dengan mengenal pasti jumlah kawasan tanah perkuburan di Kuching dan Samarahan. Ini adalah untuk mengetahui jumlah populasi kawasan tanah perkuburan di dalam kajian ini.

Menerusi maklumat di dalam laman web Khidmat Islam Sarawak (KISWA), didapati terdapat 16 tanah perkuburan Islam di Daerah Kuching dan 7 tanah perkuburan Islam di daerah Samarahan, menjadikan jumlah populasi tanah perkuburan 23 semuanya (KISWA, 2023). Sebanyak 17.4% ataupun 4 sampel tanah perkuburan Islam yang telah dipilih secara rawak untuk tinjauan iaitu Tanah Perkuburan Islam Samariang, Tanah Perkuburan Islam Bukit

Berangan, Tanah Perkuburan Islam Kampung Buntal dan Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Maong.

Langkah kedua ialah menemu bual pegawai Unit Pembangunan, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Bahagian Tanah Perkuburan, Lembaga Amanah Kebajikan Negeri Sarawak (LAKMNS), dan pegawai daripada Jabatan Mufti Sarawak untuk mendapatkan maklumat bagi kajian lapangan. Kaedah temuduga yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti dan menyenarai pendek responden dan institusi yang perlu di temuduga.
2. Menyediakan rangka soalan temuduga untuk temuduga penuh (Rujuk Lampiran 1 untuk rangka soalan temuduga).
3. Mengesahkan tarikh dan waktu temuduga bersama responden yang telah dipilih dan menjalankan temuduga.
4. Menyatukan maklumat yang dikumpul daripada soal selidik.
5. Memproses maklumat dan melaporkan hasil dapatan kajian.

Langkah yang ketiga adalah menyediakan senarai semak untuk diisi sewaktu kajian lapangan. Disebabkan kekangan masa dan memenuhi keperluan format konferensi dari segi bilangan perkataan, dapatan kajian lapangan iaitu tinjauan ke tanah perkuburan akan dimasukkan di dalam satu kertas kajian yang seterusnya. Oleh itu, senarai semak yang telah disediakan akan dimasukkan di dalam kertas kajian seterusnya.

Langkah yang keempat adalah melawat tanah perkuburan yang terpilih. Pemerhatian lapangan ke keempat tempat tanah perkuburan Islam telah dilakukan pada 21 sehingga 25 Ogos 2023. Langkah yang kelima ialah menyatukan hasil dapatan daripada pemerhatian yang telah dijalankan. Hasil dapatan temuduga dan soal selidik dimasukkan di dalam bahagian Dapatan Kajian I dan Dapatan Kajian II.

Dapatan Kajian I

Dapatan kajian dibahagikan kepada tiga iaitu dapatan daripada temuduga, dapatan daripada borang soal selidik dan dapatan kajian tinjauan di kawasan perkuburan. Disebabkan kekangan masa, dapatan kajian lapangan iaitu tinjauan ke tanah perkuburan akan dimasukkan di dalam satu kertas kajian yang seterusnya.

Dua temuduga telah diadakan iaitu temuduga awal pada 27 Jun 2023 bersama wakil daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan temuduga penuh pada 8 Ogos 2023 bersama wakil daripada Pejabat Mufti Sarawak.

Dapatan Temuduga Awal

Berdasarkan temuduga awal, didapati bahawa kebanyakan tanah perkuburan yang terdapat di Sarawak adalah daripada tanah Kerajaan Negeri Sarawak. Terdapat juga tanah persendirian yang telah diwakafkan dan dijadikan sebagai tanah perkuburan. Tanah perkuburan di Sarawak adalah di bawah pentadbiran Majlis Islam Sarawak (MIS). Ini adalah disokong oleh Ordinan Majlis Islam Sarawak (2001) yang menyatakan MIS sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua masjid, institusi dan sekolah agama Islam dan tanah perkuburan orang Islam di dalam Negeri (Jabatan Agama Islam Sarawak, 2020).

Dari segi pelaksanaan, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) di bawah JAIS menjadi pelaksana yang menguruskan tanah-tanah perkuburan di Sarawak. Menurut laman web LAKMNS, Bahagian Tanah Perkuburan bertanggungjawab untuk mengurus selia dua tanah perkuburan sahaja iaitu Tanah Perkuburan Islam Samariang dan Tanah Perkuburan Islam Masjid Bandaraya Kuching (Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak, 2023a). Antara urusan yang termasuk di bawah Bahagian Tanah Perkuburan adalah seperti (1) urusan pengebumian, (2) penyelenggaraan tanah perkuburan, (3) penyelenggaraan landskap, (4) pemantauan pembuatan napor/ bakut, dan (5) mengemaskini data dan maklumat kubur. Untuk tanah-tanah perkuburan lain, ianya di bawah tanggungjawab AJK masjid dan surau di kawasan berkenaan.

Satu garis panduan telah dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak pada tahun 2020 iaitu Garis Panduan Pengurusan Tanah Perkuburan Islam. Garis panduan ini disebar kepada masyarakat umum melalui program-program yang diadakan oleh Majlis Islam Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak dan Pejabat Mufti Sarawak. Di samping itu, garis panduan ini juga boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Agama Islam Sarawak.

Di samping itu, sebuah jawatankuasa yang terlibat untuk menguruskan tanah perkuburan Islam Sarawak telah ditubuhkan pada 6 Julai 2021 dan diberi nama Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Tanah Perkuburan Islam. Ahli jawatankuasa dipengerusikan oleh Majlis Islam Sarawak dan mempunyai ahli daripada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak, Pejabat Mufti Negeri Sarawak dan agensi-agensi lain yang berkenaan. Tujuan jawatankuasa ini ialah untuk membantu Majlis Islam Sarawak dalam hal-ehwal tanah perkuburan iaitu memantau jawatankuasa untuk masjid.

Dapatan Temuduga Penuh

Hasil daripada temuduga penuh mendapati hanya empat amalan pengebumian yang wajib dari sudut agama iaitu: (1) mandi jenazah, (2) kapan, (3) solat jenazah dan (4) penguburan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi sewaktu temuduga awal, keempat-empat amalan ini sememangnya disediakan oleh pihak Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) melalui Bahagian Tanah Perkuburan. Orang awam hanya perlu memaklumkan Bahagian Tanah Perkuburan dan memilih pakej yang telah disediakan. Nombor telefon bimbit *hotline* pengurusan jenazah dan kos pakej tertera di laman web LAKMNS (Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak, 2023b). Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk pengusung, kenderaan jenazah, kain kapan, liang lahad, pengurusan dan lain-lain. Di samping itu, senarai semak dokumen yang diperlukan juga dipaparkan di laman web tersebut.

Di samping itu, terdapat amalan yang tidak wajib tetapi harus. Contohnya adalah seperti: (1) menyebarkan berita kematian, (2) mengusung jenazah, dan (3) meletakkan kayu/ batu nisan dan membina napor sebagai tanda kubur. Amalan-amalan tersebut ada yang dicontohi daripada hadis Rasullullah SAW dan diteruskan menjadi amalan sehingga kini.

Terdapat juga amalan-amalan yang sunat yang dianggap baik seperti (1) pemasangan bau wangi-wangian untuk menutup aib si mati (sekiranya jenazah dibawa balik ke rumah dahulu sebelum dikebumikan), (2) bacaan ayat-ayat al-Quran di sisi jenazah untuk mengharapkan agar pahala bacaan disedekahkan kepada si mati (terutamanya bacaan daripada ahli keluarga si mati), (3) membaca talkin, dan (4) menanam rumput/ pokok kecil di atas kubur.

Selain daripada itu, terdapat juga amalan-amalan yang tidak perlu dan tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada si mati. Namun amalan ini masih diteruskan disebabkan adat. Antaranya ialah (1) menyiram air wangi dan menabur bunga di atas kubur, dan (2) melilit kain di batu nisan.

Terdapat juga beberapa amalan tambahan yang diamalkan oleh masyarakat Islam masa kini. Antaranya termasuk (1) memakai pakaian hitam sewaktu pengebumian, (2) seluruh ahli keluarga berkabung (berkabung diwajibkan kepada isteri si mati sahaja), (3) bendera dikibarkan separuh tiang (untuk kematian melibatkan ketua negara atau negeri), (4) menjadikan kawasan tanah perkuburan sebagai tempat untuk membuat *live/content*, (5) meletakkan payung di atas kubur, (6) meletakkan jambangan bunga di atas kubur, (7) mengambil air mandian jenazah untuk dijadikan air mencuci muka, (8) membelah kelapa dan meninggalkan separuh buah tersebut di atas kubur (separuh lagi dibawa balik ke rumah), (9) memberi cincin emas kepada yang memandikan jenazah, dan (10) meletakkan tilam yang telah digunakan jenazah di luar rumah sebab takut terkena badi.

Amalan-amalan tambahan seperti ini ada yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada si mati dan ada yang dianggap sebagai khurafat iaitu mencampur-adukkan amalan agama-agama lain seperti agama Kristian dan Hindu dan boleh menyebabkan dosa kepada yang melakukannya. Di sini pendidikan agama amat penting untuk memastikan masyarakat Islam Sarawak tidak terjerumus ke arah kesesatan. Penedahan secara khusus berkenaan pengurusan jenazah/ pengebumian boleh dilaksanakan melalui program-program di sekolah ataupun di surau/ masjid dan melalui khutbah berkaitan hal kematian. Di samping itu, kursus pengurusan jenazah sedia ada juga boleh ditambah baik sehingga proses pengebumian.

Dapatan Kajian II

Untuk dapatan kajian II, maklumat dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik berkaitan dengan amalan pengebumian masyarakat beragama Islam di Sarawak melalui *Google Form*. Sebanyak 23 responden telah mengisi dan memberi maklum balas di mana 52.2% responden perempuan dan 47.8% responden lelaki. Responden yang mengisi terdiri daripada lingkungan umur 31 tahun sehingga 61 tahun ke atas. Majoriti yang mengisi soal selidik ini ialah terdiri daripada kaum Melayu Sarawak iaitu 91.3%, 4.3% daripada kaum Melayu Brunei dan selebihnya 4.3% daripada kaum Melanau.

Apabila berlaku kematian di kalangan ahli keluarga, sanak saudara dan rakan taulan, 100% daripada responden menyebarkan berita kematian serta merta kepada masyarakat sekeliling. Responden menggunakan pelbagai medium untuk menyebarkan berita kematian. Kebanyakan responden yang tergolong di dalam generasi Y (31-40 tahun) memilih media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* sebagai medium utama. Responden yang selebihnya menyebarkan berita kematian melalui aplikasi *WhatsApp*, panggilan langsung melalui telefon, pengumuman melalui pembesar suara di masjid dan surau dan ada juga mengambil inisiatif membuat pengumuman di siaran radio.

Untuk proses pemandian dan pengkafanan jenazah, 78.3% daripada responden menguruskan jenazah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) atau sukarelawan pihak surau dan masjid bersama dengan ahli keluarga. 13% menggunakan syarikat perkhidmatan pengurusan jenazah. Dan selebihnya 8.7% menguruskan jenazah melalui AJK atau sukarelawan pihak surau dan

masjid. Ini menunjukkan ahli keluarga jenazah lebih mempercayai AJK atau sukarelawan pihak surau dan masjid untuk menyelesaikan amalan wajib ini.

Sewaktu jenazah berada di dalam rumah sebelum dikebumikan, 65.2% daripada responden memasang bau wangian. Gaharu merupakan bau wangian yang menjadi pilihan utama responden. Ada juga yang menggunakan bau wangian seperti aromaterapi, bukkhoor, dan juga kemenyan. Pemasangan bau wangian ini sunat dilakukan kerana ianya dipasang untuk mengelakkan bau yang tidak menyenangkan sahaja.

Bacaan ayat-ayat Al-Quran seperti Surah Yasin dan lain-lain sering diamalkan dengan niat pahala bacaan akan disedekahkan kepada si mati. 69.6% daripada responden membaca sendiri ayat Al-Quran dan 13% menggunakan rakaman bacaan ayat Al-Quran melalui *YouTube*, radio Al-Quran dan lain-lain. Selebihnya menggunakan kombinasi bacaan Surah Yasin dan Al-Fatihah secara bersendirian dan beramai-ramai, diselang-selikan dengan rakaman bacaan di dalam *YouTube*. Namun demikian, ianya lebih afdal untuk ahli keluarga atau masyarakat yang datang menziarah jenazah untuk membaca ayat-ayat Al-Quran sendiri daripada menggunakan rakaman.

Mendirikan solat jenazah merupakan amalan wajib yang ketiga dilakukan di dalam proses pengebumian. 91.3% daripada responden menyatakan keinginan mereka untuk mendirikan solat jenazah dengan mengikut imam. Manakala responden yang menyatakan tidak merupakan responden perempuan daripada generasi muda. Usai mendirikan solat jenazah, jenazah hendaklah segera dikebumikan. Namun demikian, ada beberapa responden memaklumkan tidak membawa jenazah terus ke tanah perkuburan kerana menunggu sanak saudara yang daripada jauh untuk datang. 91.3% daripada responden menyatakan jenazah terus diusung ke tanah perkuburan. Sewaktu di dalam perjalanan ke tanah perkuburan, beberapa responden mengamalkan membaca doa dan berwirid di dalam hati.

Sebanyak 56.5% daripada responden memilih Tanah Perkuburan Semariang, Kuching sebagai lokasi tanah perkuburan untuk menguburkan jenazah ahli keluarga mereka. Lokasi tanah perkuburan yang paling dekat dengan rumah menjadi faktor utama di dalam pemilihan lokasi.

Untuk proses penggalian kubur, 73.9% daripada responden memilih penggali kubur yang bertugas di kawasan perkuburan tersebut. 13% daripada responden memberikan amanah menggali kubur kepada AJK Masjid, 8.7% daripada responden terdiri daripada ahli keluarga itu sendiri untuk menggali kubur. Selebihnya, ahli keluarga dengan kerjasama masyarakat kampung membantu di dalam proses menggali kubur jenazah.

Setelah selesai proses penguburan, 65.2% mengamanahkan AJK Masjid atau imam untuk memimpin bacaan talkin. 21.7% memilih ustaz kenalan ahli keluarga dan 13% memilih ahli keluarga sendiri untuk membaca talkin. Walaupun bacaan talkin ini bukannya rukun wajib di dalam pengurusan jenazah, namun ianya sunat dilakukan untuk memberikan peringatan kepada umat Islam yang masih hidup.

Usai proses penguburan, 78.3% daripada responden menyiram air dan menabur bunga ke atas tanah perkuburan, 13% menyiram air sahaja, 4.3% hanya membaca Surah Yasin, dan selebihnya tidak ada menyiram apa-apa. Penyiraman air dan penaburan bunga ini bukan amalan yang wajib dilakukan oleh masyarakat Islam. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Ustaz

Azhar Idrus (2018), amalan penyiraman air dan menabur bunga ini terpulang kepada niat, tujuan dan iktikad individu itu sendiri.

56.5% daripada responden menanda kubur si mati dengan menggunakan dua kayu sebagai tanda di bahagian kepala dan kaki. Manakala 21.7% menggunakan satu kayu sahaja sebagai tanda. Selebihnya 21.7% terus menggunakan batu nisan sebagai tanda. Walaubagaimanapun, amalan menanda tanda kubur ini hanyalah sekadar keperluan untuk mengenali kubur si mati sahaja dan memudahkan proses menziarah sahaja.

Selepas selesai proses pengebumian, 78.3% daripada responden membuat binaan napor pada kubur. 72.2% memasang napor mengikut spesifikasi dan panduan yang disarankan oleh Pejabat Mufti Negeri Sarawak. 27.8% memasang napor mengikut pilihan yang ditawarkan oleh Syarikat yang memberikan perkhidmatan membuat napor. 38.9% memilih jubin sebagai pilihan utama untuk membuat napor. Bahan-bahan yang lain seperti batu marmar, mozek, kayu dan tarazor turut menjadi pilihan responden. Terdapat percanggahan pendapat berkaitan dengan pembinaan napor. Namun, mengikut Mahzab al-Syafii, disunatkan untuk meninggikan kubur sekitar sejengkal supaya kubur tersebut diketahui, dihormati dan diziarahi.

Untuk proses pemasangan batu nisan, 100% daripada responden meletakkan nama si mati sebagai maklumat yang paling penting, diikuti dengan tarikh kematian sebanyak 91.3% dan 65.2% meletakkan tarikh lahir. 58.5% meletakkan kalimah bismillah, kemudian 43.5% meletakkan Surah Al-Fatihah dan selebihnya doa.

56.5% daripada responden melilit kain di batu nisan. 76.9% melilit batu nisan dengan menggunakan kain berwarna putih, 15.4% melilit menggunakan kain berwarna kuning dan selebihnya melilit batu nisan menggunakan kain berwarna hitam. 80% daripada responden menukar kain lilit ini setahun sekali terutamanya menjelang atau pada bulan puasa.

Selain daripada amalan-amalan yang lazim di atas, responden turut memaklumkan amalan lain yang dilakukan oleh keluarga si mati. Ahli keluarga akan bertanya kepada masyarakat sekiranya si mati mempunyai hutang yang belum dilangsaikan. Amalan sedekah dari segi makanan dan minuman daripada ahli keluarga kepada keluarga si mati. Terdapat juga amalan mencium dahi si mati oleh setiap ahli keluarga sebelum jenazah diusung keluar ke tanah perkuburan. Satu amalan yang unik yang jarang diamalkan sekarang iaitu meletakkan cincin di mulut bagi wanita hamil yang meninggal dunia.

Perbincangan dan Rumusan

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa amalan fardu kifayah seperti memandikan, mengapankan, disembahyangkan dan dikebumikan dijalankan dengan sempurna mengikut hukum syarak. Ini mungkin disebabkan wujudnya institusi-institusi agama seperti Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) dan Pejabat Mufti Sarawak yang giat menyebarkan maklumat yang betul berkenaan pengurusan dan pengebumian jenazah orang Islam di Sarawak. Di samping itu, wujudnya perkhidmatan dan pakej pengurusan jenazah yang disediakan oleh LAKMNS dan organisasi sukarelawan serta AJK masjid dan surau memastikan jenazah diuruskan dengan betul walaupun waris jahil di dalam pengurusan jenazah.

Namun kita tidak dapat menolak bahawa terdapatnya amalan-amalan tambahan di dalam pengebumian orang Islam di Sarawak. Ada amalan yang harus seperti menyebarkan berita

kematian, mengusung jenazah, dan meletakkan tanda kubur. Ada juga amalan yang baik seperti pemasangan bau wangi-wangian di rumah, bacaan ayat-ayat al-Quran di sisi jenazah, membaca talkin, dan menanam rumput/ pokok kecil di atas kubur. Terdapat juga amalan yang dipinjam daripada agama lain, adat dan kepercayaan karut seperti (1) amalan memakai pakaian hitam sewaktu pengebumian, seluruh ahli keluarga berkabung dan meletakkan jambangan bunga di atas kubur yang dipinjam daripada agama Kristian; (2) meletakkan payung di atas kubur, mengambil air mandian jenazah untuk mencuci muka, membelah kelapa dan meninggalkan separuh buah tersebut di atas kubur, dan meletakkan tilam yang telah digunakan jenazah di luar rumah sebab takut terkena badi yang merupakan kepercayaan karut masyarakat Melayu Sarawak; dan (3) memberi cincin emas kepada yang memandikan jenazah yang merupakan amalan adat Melayu Sarawak sebagai terima kasih kepada yang memandikan jenazah.

Hasil soal selidik juga mendapati kebanyakan daripada responden menguruskan pengebumian jenazah seperti yang dituntut oleh agama. Namun terdapat tambahan amalan seperti membaca talkin, menyiram air dan bunga di atas tanah perkuburan, membaca Yasin, meletakkan batu nisan dan membina napor, dan melilit kain di batu nisan. Didapati juga perkhidmatan profesional untuk menguruskan jenazah seperti memandikan jenazah, mengapan dan menggali kubur menjadi pilihan utama di dalam menguruskan jenazah.

Memandangkan masih berlakunya percampuran amalan budaya dan tradisi dengan hukum syarak di kalangan masyarakat Islam di Sarawak, disarankan agar program-program diadakan di peringkat masjid dan surau untuk memberikan pendedahan dan panduan kepada masyarakat Islam Sarawak berkenaan amalan-amalan yang dibolehkan serta amalan-amalan karut yang perlu dielakkan di dalam urusan pengebumian.

Untuk penambahbaikan kajian, disarankan agar skop kajian diluaskan untuk melibatkan responden di luar bahagian Kuching, terutamanya bahagian luar bandar. Ini untuk mengenal pasti sama ada penemuan kajian ini seragam di seluruh negeri Sarawak. Di samping itu, kajian yang lebih meluas boleh mengenal pasti sama ada wujudnya amalan-amalan selain daripada yang sudah dinyatakan di dalam kertas kajian ini.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Encik Muhammad Fadhli bin Dawek, Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah, Jabatan Agama Islam Sarawak kerana sudi untuk ditemuduga pada 27 Jun 2023 dan Haji Mohammad Syarifuddin bin Haji Abdul Kadir, Pegawai Hal Ehwal Islam/ Ketua Penolong Mufti (Kanan) kerana sudi untuk ditemuduga pada 8 Ogos 2023.

Rujukan

- Abd Rahman, M. N., Rofie, M. K., & Osman, M. K. A. (2003). *Amalan bid'ah dalam pengurusan dan penyelenggaraan jenazah: Kajian di Kubang Pasu* (Unpublished Project Report). Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Abdul Gafur, Nushasan, Endang Switri & Nurbuana (2020). Praktek pengurusan jenazah di Masjid An-Nuur Kebun Raya, Indralaya. *Altifani Journal: International Journal of Community Engagement*, 1(1), 15-23.
- Ahmadi, A. (2019). Nilai budaya dan nilai agama masyarakat Suku Sasak dalam tata cara pengurusan jenazah di Desa Kerumut Kecamatan Pringgabaya (Sebuah Studi Komparasi). *JUPE: Jurnal Pendidikan Mandala*, 4(5), 369-375.

- Idrus, Azhar (2018). Kenapa Perlu Siram Air Atas Kubur? – Ustaz Azhar Idrus. Official YouTube Channel: Ustaz Azhar Idrus Official (UAITUBE). https://www.youtube.com/watch?v=Hm_I11pyGwo
- Jabatan Agama Islam Sarawak (2020). *Garis panduan pengurusan tanah perkuburan Islam Majlis Islam Sarawak 2020*. Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, JAIS. <https://jais.sarawak.gov.my/web/attachment/show/?docid=dTR5cFY2d0hQa2t1NW4rdUNOdG4yQT09OjoSft5gJi0NxR9LAVULTjuI>
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2018). *Panduan pengurusan jenazah dan pusara orang islam menurut syarak*. <https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/penerbitan/buku/427-buku-panduan-pengurusan-jenazah-dan-pusara-orang-islam-menurut-syarak/file>
- Kafrawi, K., Ilyas, M., Mulyadi, M., Syahid, A., & Liriwati, F. Y. (2024). Pelatihan Penyelenggaraan Jenazah Menurut Hukum Islam: Suatu Kegiatan PKM Yang Bermakna: Studi Di Desa Sialang Panjang Kecamatan Tembilahan Hulu Kabupaten Indragiri Hilir Provinsi Riau. *MENGABDI: Jurnal Hasil Kegiatan Bersama Masyarakat*, 2(1), 194-200.
- Khidmat Islam Sarawak (2023). *Senarai tanah perkuburan*. https://emasjid.sarawak.gov.my/emasjid/emasjid/share/p_cemetery_listing/?lc_add_div_id=1&search=1&is_filter=1
- Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (2023a). *Bahagian Tanah Perkuburan, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak*. <https://www.lakmns.org.my/ms/mengenai-kami/pengurusan/jabatan-dan-bahagian/pengurusan-masjid/bahagian-tanah-perkuburan>
- Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (2023b). *Perkhidmatan Pengurusan Jenazah, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak*. <https://www.lakmns.org.my/ms/perkhidmatan-kami/pengurusan-jenazah>
- Marronis, R. P., Massaid, F., Febrianto, Z. R., Ramadhani, W. A., & Wismanto, W. (2023). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Shalat Jenazah. *Jurnal Budi Pekerti Agama Islam*, 1(6), 50-61.
- Mohd. Basmeih, S. A. (2015) *Panduan Mengurus Jenazah*. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/panduan_mengurus_jenazah.pdf
- Muhammad Faleh Lai, N. F., & Ahmad Shah, F. (2020). Hadith Daif dan Palsu dalam Pengurusan Jenazah: Kajian Terhadap Sumber dan Rujukan Masyarakat Islam di Mukim Kutan, Tumpat, Kelantan. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 25-56.
- Ordinan Majlis Islam Sarawak (2001). http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b8b66cbc5a94c907482571b100233634?OpenDocument
- Wahyuni, N., Amalia, D., Maharani, A. A., Arifin, N. A., Amalia, S., Saputra, B., Lasena, M. I. K., Rahmawati, T., Sahran, W. & Taslim, R. (2023). Pelatihan dalam Melaksanakan Praktek Penyelenggaraan Jenazah di Masjid Baitulhrahman di Desa Sambujan. *Jurnal Gembira: Pengabdian kepada Masyarakat*, 1(06), 2002-2007.
- Yusof, M. Y. & Ramli, M. A. (2020). Kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat melayu dari perspektif uruf. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1), 21-37.